



**SURAT PEMBERITAHUAN
PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 7(a)

**Iklan adalah dibukakan kepada Orang Ramai dan Pegawai-Pegawai dan
Kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam
Negara Brunei Darussalam.**

**PEMBANTU PERANCANG BANDAR DAN DESA TINGKAT I (D.4-5 EB.6)
JABATAN PERANCANG BANDAR DAN DESA
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

Syarat-Syarat Am:

- (A) Pemohon terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (C) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di negara ini.
- (D) Bagi pemohon yang terdiri dari Pegawai-Pegawai Kerajaan hendaklah mempunyai tahap penilaian prestasi sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh tiga (03) tahun kebelakangan.



**PEMBANTU PERANCANG BANDAR DAN DESA TINGKAT I
JABATAN PERANCANG BANDAR DAN DESA**

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

D.4-5 EB.6 (\$1,225 - \$1,785 EB KHAS \$1,825 - \$1,985 SEBULAN)

KEKOSONGAN = SATU (01)

KELAYAKAN MINIMUM:

1. a) *BDTVEC / BTEC* Diploma Kebangsaan Peringkat Biasa (*OND*) atau sebanding dalam bidang teknikal atau bidang bersesuaian.

ATAU

- b) Telah berkhidmat di Jabatan Perancangan Bandar dan Desa sebagai Kerani Pendaftaran Perancang Bandar dan Desa atau jawatan bersesuaian dalam tangga gaji D.3 atau sebanding tidak kurang dari 3 tahun atau sebagai Pembantu Perancang Bandar dan Desa Tingkat II atau Merinyu Perancang atau jawatan yang bersesuaian sekurang-kurangnya dalam tangga gaji D.1 atau sebanding tidak kurang dari 5 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.

ATAU

- c) Telah berkhidmat dalam Perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian sekurang-kurangnya dalam tangga gaji D.3 atau sebanding tidak kurang dari 4 tahun atau sekurang-kurangnya dalam tangga gaji D.1 atau sebanding tidak kurang dari 6 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.

2. Berkebolehan dalam menggunakan komputer seperti *Autocad* adalah kelebihan.
3. Berkebolehan dalam membaca pelan-pelan bangunan, tapak dan peta adalah kelebihan.

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:

1. Membantu Penolong Pegawai Perancang Bandar dan Desa Tingkat I mengendalikan penyelidikan dan kajian-kajian perancangan;
2. Membuat laporan-laporan terhadap cadangan tapak-tapak projek dan kawasan-kawasan kajian perancangan pembangunan;



3. Mengendalikan permohonan-permohonan kemajuan tanah dan bangunan yang dikendalikan oleh Jabatan dan permohonan-permohonan lain yang dirujuk ke Jabatan dan melayan pertanyaan orang ramai; dan
4. Melaksanakan tugas-tugas yang diarahkan oleh pegawai-pegawai atasan dari semasa ke semasa.